

26 JAN 1998

PERDANA MENTERI DIJADUAL LANCAR LE TOUR DE LANGKAWI 1998

LANGKAWI, 26 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijadual melancarkan acara lumba basikal Le Tour de Langkawi 1998 (LTDL `98) yang akan berlangsung dari 18 Feb hingga 1 Mac.

Acara pelancaran akan berlangsung pada 17 Feb.

Pengurus Hal Ehwal korporat LTDL Abdullah Kamal Shafi'i berkata perlumbaan edisi ketiga itu akan bermula dari Langkawi dan berakhir di Dataran Merdeka Kuala Lumpur.

LTDL akan mempromosi dan memperkenalkan negara ini ke mata dunia bagi meningkatkan kedatangan pelancong, katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa penyelarasan LTDL peringkat Langkawi di sini hari ini.

Menurutnya beberapa negara luar menyatakan minat untuk menyiarkan acara itu siaran langsung melalui saluran TV masing-masing.

Beliau berkata LTDL mendapat pengiktirafan sebagai antara yang terbaik dari segi pengurusan dan penganjurannya.

Abdullah berkata perlumbaan yang mengandungi 12 peringkat itu dianjurkan oleh First Cartel (Malaysia) Sdn Bhd yang turut disertai 25 pasukan kelab profesional dan terbaik dunia dari Itali, Britain, Australia, Afrika Selatan, negara-negara Asia dan Malaysia.

Beliau berkata kira-kira 150 pelumba akan mengambil bahagian pada perlumbaan ujian masa perseorangan bagi peringkat pertama di Langkawi pada 18 Feb dari Datai ke Pantai Kok sejauh 16km.

Pihak penganjur merancang mengadakan acara sampingan bagi memeriahkan LTDL di samping menarik minat penduduk tempatan dan pelancong menyaksikannya. -- BERNAMA

ZI NMO